

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SELANGOR BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**PENTAKRIFAN SEMULA JENIS BAHAN BATUAN KEPADA
BAHAN MINERAL NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (**PTD**) dan agensi-agensi teknikal, berkenaan pentakrifan semula jenis bahan batuan kepada bahan mineral Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pentakrifan semula ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 3/2009 berkenaan Pentakrifan Semula Bahan Batuan (Rock Material) dan Kutipan Hasilnya selepas ini dikenali sebagai **“Pekeliling KPTG Bil.3/2009”**.

2.2 Sebelum pindaan, di atas takrif bahan batuan dalam KTN sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 5 adalah seperti berikut: ‘ *“rock material” means any rock, stone, granite, limestone, marble, gravel, sand, earth, laterite, loam, clay, soil, mud, turf, peat, coral, shell or guano within or upon any land, and includes also any bricks, lime, cement or other commodity manufactured therefrom.* ’

- 2.3 Dalam takrifan bahan batuan seperti di sub para 2.2, berdasarkan **Pekeliling KPTG Bil.3/2009** terdapat juga bahan-bahan galian (mineral) yang berkualiti dan bernilai tinggi yang disenaraikan bersama yang tidak seharusnya diklasifikasikan sebagai bahan batuan. Ini adalah kerana ia akan merugikan hasil pendapatan kerajaan negeri serta tidak dapat meningkatkan penggunaan bahan galian secara optimum dan mengelak pembaziran bagi penggunaan untuk tujuan yang kurang menguntungkan negeri dan negara. Oleh yang demikian, pindaan KTN 2008 telah menggugurkan beberapa bahan batuan daripada takrifan Bahan Batuan (rock material) kepada Bahan Mineral seperti “granit”, “Batu Kapur (*limestone*)”, “Batu Marmar (*marble*)” dan “Tahi Kelawar (*guano*)”, manakala perkataan “*common*” ditambah selepas perkataan “*sand*”, “*earth*”, “*laterite*”, dan “*clay*” dan menggantikan perkataan-perkataan “*also any bricks, lime, cement or other commodity manufactured therefrom*” dengan perkataan-perkataan “*processed materials therefrom, other than minerals defined under any written law relating to mining which is for the time being in force*”.
- 2.4 Pentakrifan semula ini akan dapat menyeragamkan semula takrifan mengikut Pekeliling sedia ada yang sedang berkuatkuasa iaitu **Pekeliling KPTG Bil.3/2009** dan akan dikemaskini ke dalam Enakmen Mineral Selangor (EMS) 2000 dan Peraturan-peraturan Mineral Negeri Selangor 2007.

- 2.5 Pentakrifan semula ini juga dapat meningkatkan kutipan hasil royalti Kerajaan Negeri kerana nilai kebanyakan bahan mineral adalah lebih tinggi berbanding bahan batuan.
- 2.6 Justeru itu, Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Selangor (JSMNS) Bil.1/2023 bertarikh 25 September 2023 yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mempertimbang dan meluluskan cadangan pentakrifan semula jenis bahan batuan kepada bahan mineral Negeri Selangor ini dengan tujuan menyelaraskan, mengemaskini serta meminda tatacara dan tatakelola yang berkaitan di samping meningkatkan kutipan royalti hasil mineral Kerajaan Negeri Selangor.
- 2.7 Seterusnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui Cabutan Kertas Ringkasan MMKN bertarikh 24 Mei 2024 kertas ringkasan MMK. No. 13 / 15 / 2024 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 16 / 2024 pada 29 Mei 2024 telah menimbang dan meluluskan cadangan pentakrifan semula jenis bahan batuan kepada bahan mineral di Negeri Selangor.

3. KAEDAH DAN PERLAKSANAAN

- 3.1 Bahan batuan yang akan dijadikan bahan mineral sekaligus membatalkan takrifan bahan batuan di dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003, ialah **Batu Kapur, Granit, Batu Marmar (Marble) dan Guano.**

3.2 Kesemua tambahan berkaitan Bahan Mineral seperti di sub para 3.1 termasuk kutipan hasilnya (royalti) akan dikemaskini ke dalam semua Pekeliling PTGS yang berkaitan dan pindaan akan dibuat ke atas Enakmen Mineral (Selangor) 2000 dan Peraturan-peraturan Mineral Selangor 2007.

4. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

4.1 Pelaksanaan arahan dalam Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **24 Mei 2024.**



(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) D.S.I.S.,S.M.S.

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tarikh: 23 Julai 2024